



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“MAJLIS PERASMIAN LITAR LATIHAN DAN UJIAN MEMANDU AKADEMI PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA”

Melaka, 15 Januari 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia telah mengadakan Majlis Perasmian Litar Latihan dan Ujian Memandu Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, Melaka.

Pembangunan Litar Latihan dan Ujian Memandu Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia yang berkeluasan 5 ekar dan melibatkan kos pembangunan sebanyak RM2.5 juta telah bermula sejak 14 Disember 2021 dan siap sepenuhnya pada 12 Julai 2023.

Pembangunan infrastruktur litar dan pembangunan kompetensi pemanduan selamat ini akan meningkatkan kapasiti dan standard kompetensi berdasarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)/ Diploma Kemahiran Malaysia kepada modal insan industri pengangkutan jalan yang terdiri daripada Penguji JPJ, Pengajar Institut Memandu, Pemandu Kenderaan Jabatan dan agensi (kerajaan dan swasta) serta Operator pengangkutan di negara ini.

Pada masa yang sama, turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPJ dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi sambungan pelaksanaan program Diploma Eksekutif Pengurusan Pengangkutan dan Penguatkuasaan (DEPP) kohort 6 sehingga 10 dan MoU di antara JPJ dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) bagi Pensijilan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Usaha ini membuktikan bahawa JPJ melalui Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia telah bertindak untuk ke arah Pusat Kecemerlangan Sektor Pengangkutan Jalan selari dengan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030.

Dalam majlis itu, telah diadakan simbolik penyerahan sebahagian daripada aset baharu kenderaan penguatkuasa JPJ iaitu Toyota Fortuner. Pada Julai 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta secara *one-off* kepada Agensi Penguatkuasaan Malaysia. Sebahagian daripada peruntukan tersebut, JPJ telah diluluskan peruntukan sebanyak RM10.7 juta bagi perolehan kenderaan penguatkuasa melibatkan 58 unit aset kenderaan penguatkuasa JPJ yang baharu pada tahun 2024.

JPJ sentiasa komited dalam memperkasakan penguatkuasaan berkaitan keselamatan jalan raya seterusnya memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara. Jabatan ini akan terus melipatgandakan momentum kecemerlangan bagi mencapai kejayaan yang lebih unggul.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

15 JANUARI 2024

[TAMAT]